

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: DI PERASMIAN MUZIUM SAINS ELEKTRIK

TEMPAT: UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JALAN GURNEY, KUALA LUMPUR

TARIKH: 04 OCT 1983

MASA:

Yang Berbahagia Tan Sri Ainnuddin Wahid,
Naib-Canselor Universiti Teknologi
Malaysia;
Yang Berbahagia Dato' Toshihiko Yamashita,
Presiden, Matsushita Electric Industrial
Co. Ltd, Jepun;
Dif-Dif Kehormat,
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Teknologi Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di majlis ini, dan seterusnya untuk merasmikan Muzium Sains Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia pada hari ini.

2. Tertubuhnya Muzium Sains Elektrik ini memberi erti yang amat besar kepada kita. Pertama, projek ini membuktikan kerjasama yang boleh dilaksanakan di antara sektor awam dan sektor swasta. Dalam hal ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Syarikat Matsushita Electric Industrial, Jepun, khususnya kepada Tan Sri Matsushita, walaupun tidak berada bersama kita hari ini, dan juga kepada Dato Toshihiko Yamashita yang telah membuat sumbangan alat-alat elektronik dan kelengkapan yang bernilai lebih sejuta ringgit bagi Muzium ini. Kedua, dengan sebahagian daripada kerja-kerja untuk melaksanakan projek ini dikendalikan sendiri oleh kakitangan Universiti ini, termasuk dari segi reka bentuk dan kejuteraan, membuktikan keupayaan kakitangan universiti menyelenggarakan projek di samping menjalankan tugas biasa. Ketiga, projek ini merupakan satu asas bagi mengukuhkan lagi usaha-usaha kita di dalam bidang pembangunan sains dan teknologi.

3. Muzium ini telah disyor, kerana di Malaysia, walaupun perkataan sains dan teknologi sering didengar dan pembangunan negara diasaskan kepada pengetahuan sains dan teknologi, tetapi umumnya kita masih merasa ragu-ragu dan menganggap sains dan teknologi sebagai satu jenis misteri yang tidak mungkin difaham dan dikuasai oleh kita. Orang ramai masih berpendapat bahawa sains dan teknologi adalah bidang yang dikhususkan kepada orang-orang yang berotak geliga sahaja, dan orang biasa tidak mungkin faham sama sekali bidang-bidang ilmu ini.

4. Dengan berleluasanya pendapat seperti ini maka timbullah ketakutan untuk memasuki bidang pelajaran atau pekerjaan yang melibatkan pengetahuan sains dan teknologi. Tidak dapat tidak sikap dan pengertian ini akan menjadikan kita mundur dan ketinggalan zaman, serta terpaksa bergantung kepada orang lain dalam segala kerja yang memerlukan pengetahuan sains dan teknologi. Sebab itu, sementara kita pantas membeli radio, televisyen dan bermacam alat elektronik, tetapi apabila sahaja kerosakan berlaku maka kita kurang yakin ada orang kita yang boleh memperbaikinya. Semakin bertambahnya alat-alat yang diasaskan kepada sains dan teknologi, semakin ketinggalanlah kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Muzium Sains Elektrik ini bertujuan menerangkan asas-asas sains elektrik dengan cara yang mudah difaham walaupun oleh orang yang tidak mempunyai pelajaran asas sains. Dengan kefahaman ini maka perasaan dan pendapat bahawa ilmu ini bukanlah untuk kita dan anak kita akan dapat dikurangkan. Bahkan mungkin minat kita untuk mempelajari atau memasuki bidang sains elektrik dan lain-lain sains akan menjelma.

6. Sebenarnya ilmu sains bukanlah satu misteri tetapi satu bidang ilmu yang diasaskan kepada logik akal fikiran dan susunan alam yang teratur yang dijadikan oleh Allah s.w.t. Kita tidak harus takut kepada apa yang dijadikan oleh Tuhan kerana semuanya adalah untuk kebaikan kita, jika kita mengetahui akan bentuk dan kegunaannya. Juga tiap sesuatu yang dijadikan oleh Tuhan mempunyai susunan dan cara yang tertib yang boleh difaham oleh kita jika kita tahu kuncinya. Kunci inilah yang akan kita kenali jika kita menuntut ilmu sains seperti yang diseru oleh agama Islam.

7. Sebagaimana kita maklum, negara kita Malaysia mempunyai sumber kekayaan yang banyak jika dibandingkan dengan kebanyakan negara membangun yang lain bahkan dengan setengah-setengah negara yang maju. Potensi besar yang ada pada kita terbukti dengan kejayaan yang kita capai dalam tempoh 26 tahun kita merdeka. Kita telah mencapai kemajuan di dalam hampir semua bidang. Namun demikian, bagi memenuhi harapan dan aspirasi kita yang tinggi kepada kehidupan yang bahagia kita terpaksa menumpukan perhatian ke arah peningkatan kemampuan kita di dalam bidang-bidang sains dan teknologi. Tanpa kemampuan sains dan teknologi kita tidak mungkin menggunakan segala potensi yang ada pada kita dengan kesan. Ini amat jelas sekali jika kita lihat pengalaman negara-negara yang maju. Negara Jepun misalnya boleh dikatakan tidak mempunyai sumber kekayaan pun, tetapi dengan menumpukan perhatian kepada bidang sains dan teknologi, ia telah dapat bersaing dengan negara-negara yang dahulunya begitu maju dengan berjaya sekali. Bagi menjamin ia sentiasa di hadapan, sekarang kita lihat negara Jepun telah menyediakan satu strategi untuk menduduki tempat yang pertama di dalam sains komunikasi secara integrated. Ini pun harus menjadi pengajaran kepada kita di mana kita harus

sentiasa memikirkan pelaburan jangka panjang di dalam bidang sains dan teknologi.

8. Walaupun kelengkapan di Muzium ini merupakan kelengkapan yang diimport dan direka di Jepun, ini harus dianggap sebagai permulaan sahaja. Yang lebih penting ialah akhirnya kita sendiri harus mencipta dan mengeluarkan alat-alat dan kelengkapan kita sendiri bagi mengisi Muzium ini.

9. Akhir-akhir ini pakar-pakar tempatan telah menunjukkan minat di dalam penyelidikan dan merekabentuk serta menghasilkan ciptaan-ciptaan tertentu. Bukan sahaja pakar-pakar kita telah membuat kemajuan di dalam teknologi getah dan kelapa sawit, malahan berhubung dengan kuasa solar dan bio-gas, dan kakitangan Universiti Teknologi sendiri telah berjaya menerokai bidang "software" komputer yang dapat menggunakan tulisan jawi. Bagi saya usaha-usaha ini adalah amat membanggakan sekali. Saya harap semua pihak akan menyokong dan memberi kerjasama untuk melahirkan satu masyarakat pencipta tempatan kita sendiri.

10. Kepada pakar-pakar tempatan saya harap mereka tidak bersikap bergantung kepada sesiapa untuk membuktikan kebolehan mereka. Di negara-negara maju "inventors" atau pencipta biasanya mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk menghasilkan sesuatu ciptaan atau "invention". Ada kalanya perbelanjaan yang perlu amat besar sekali. Seseorang pencipta didorong oleh daya ciptanya dan tidak menghiraukan penat lelah serta soal pembiayaan. Namun demikian, saya yakin, demi kejayaan yang lebih lagi bagi "inventors" kita, pihak-pihak yang berkemampuan, khususnya syarikat-syarikat swasta haruslah membantu kumpulan-kumpulan yang berminat untuk memajukan bidang sains dan teknologi di negara kita, dan jika boleh kita hendaklah sama-sama menjamin bahawa "invention" yang dilahirkan oleh pakar-pakar tempatan kita akan mencapai tahap untuk mendapat hak cipta dan pasaran di peringkat antarabangsa. Adalah menjadi harapan negara bahawa pakar-pakar dan peminat-peminat berbagai jurusan sains dan teknologi akan meneroka alam "invention" dan memulakan satu tradisi baru bagi negara kita sebagai negara yang mempunyai daya cipta di dalam semua lapangan, lebih-lebih lagi di dalam lapangan penggunaan sumber alam kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Muzium ini terhad kepada satu lapangan sains dan teknologi, iaitu sains dan teknologi elektrik dan komunikasi. Banyak lagi bidang yang tidak diliputi oleh Muzium ini. Bidang-bidang ini tentulah menarik minat institusi-institusi lain yang mempunyai kepakaran di dalam bidang-bidang berkenaan. Adalah menjadi harapan saya bahawa universiti-universiti tempatan yang lain akan mengambil usaha yang wajar untuk mengadakan muzium-muzium yang serupa bagi bidang-bidang tertentu untuk melengkapkan usaha-usaha meningkatkan minat masyarakat kita di dalam semua aspek

sains dan teknologi. Di antara bidang-bidang yang perlu ditonjolkan termasuklah bidang-bidang sains dan teknologi perubatan, pertanian, komputer, astronomi dan lain-lain.

12. Minat terhadap sains dan teknologi perlu dipupuk di kalangan kanak-kanak sekolah. Di samping menggalakkan penubuhan kelab-kelab sains di sekolah-sekolah, usaha-usaha juga hendaklah dipertingkatkan untuk mengadakan kelab-kelab komputer supaya kanak-kanak di sekolah akan didedahkan kepada perkembangan-perkembangan moden dengan seberapa segera. Dengan cara ini kita dapat mewujudkan persekitaran sains dan teknologi dalam satu generasi, dan dengan cara ini juga usaha-usaha pembangunan yang dijalankan akan mendapat sokongan tenaga manusia yang mempunyai orientasi sains dan teknologi yang sesuai dengan kehendak kita.

13. Di sini sukalah saya mengesyorkan supaya kerjasama yang erat dapat dijalin antara pihak swasta dengan sistem pelajaran negara. Kelab-kelab sains, komputer dan lain-lain di sekolah-sekolah bukan sahaja boleh dibantu oleh syarikat-syarikat swasta, malahan pakar-pakar di institusi-institusi pengajian tinggi dan tokoh-tokoh swasta boleh menjadi penaung dan menjadi penasihat bagi menggalakkan lagi minat kanak-kanak di dalam kegiatan-kegiatan berkenaan. Saya yakin, kerjasama seperti ini akan memberi faedah kepada semua pihak.

14. Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Syarikat Matsushita Electric Industrial Co. Ltd, Jepun dan kepada Tan Sri Matsushita kerana mendermakan alat-alat dan kemudahan-kemudahan yang dipamerkan di Muzium ini. Saya berharap Muzium ini akan memberi manfaat bukan sahaja kepada pelawat-pelawat, khususnya kanak-kanak sekolah dan pelawat-pelawat dari luar Kuala Lumpur, bahkan bagi Universiti ini di dalam memajukan pengajian dan penyelidikan sains dan teknologi.

15. Dengan ini saya dengan sukacitanya membuka Muzium Sains Elektrik ini dengan rasminya.

Terima kasih.